



oleh:  
Awang Had Salleh (Tan Sri Dato' Dr.)

## 01. PENGENALAN:

- 1.1 Pendidikan Malaysia, seperti juga pendidikan di negara-negara moden, luas amat ruang litupnya. Ia mempunyai **dimensi-dimensi bentuk**, iaitu Pendidikan **Formal** dan **pendidikan tak-formal**.

(a) **Pendidikan Formal:**

- (1) Pendidikan Formal: **Rendah, Menengah, Tinggi**
- (2) Pendidikan Formal: **Kerajaan, Swasta**
- (3) Pendidikan Formal: **Akademik, Teknikal, Vokasional**
- (4) Pendidikan Formal: **Sekular, Agama, Gabungan**
- (5) Pendidikan Formal: **Profesional dan Separa Profesional**
- (6) Pendidikan Formal: **Semukaan, Jarak Jauh.**
- (7) Pendidikan Formal: **Dalam Perkhidmatan, Latihan Sambil Kerja**

(b) **Pendidikan Tak-Formal:**

- (1) Pendidikan Tak-Formal Menerusi **Media Cetak**
- (2) Pendidikan Tak-Formal Menerusi **Media Elektronik**
- (3) Pendidikan Tak-Formal Menerusi **Slogan, Poster, Sepanduk**

---

<sup>1</sup>Disampaikan kepada Seminar *Dasar pendidikan Negara Menjelang Abad Ke-21: Cabaran dan Masa Depan*, anjuran Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (Malaysian Strategic Research Centre), di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru, pada 23 Januari 1995.

(4) Pendidikan Tak-Formal Menerusi Ceramah, Forum, Seminar

- 1.2 Pendidikan di Malaysia dapat juga dilihat dari segi **dimensi-dimensi dasar**. Di antaranya ialah:
- (a) Dasar **bahasa pengantar dan bahasa kedua pertama**
  - (b) Dasar sehubungan dengan **ruang litup kurikulum**
  - (c) Dasar sehubungan dengan panjang **tempoh pengajian** dan **bagan-bagan umur pelajar** untuk tahap-tahap pendidikan tertentu
  - (d) Dasar sehubungan dengan penegasan dalam bidang-bidang **kognitif, afek dan psikomotor**
  - (e) Dasar sehubungan dengan **peratusan umur kohort** untuk pendidikan rendah, menengah dan tinggi
  - (f) Dasar sehubungan dengan **imbangan ekuitibiliti** antara kelompok etnik untuk pelbagai peringkat pendidikan dan juga mengikut bidang pengajian
  - (g) Dasar sehubungan dengan kedudukan di antara **pendidikan nasional** dan **pendidikan swasta**
  - (h) Dasar sehubungan dengan **pembasmian iliterasi**
  - (i) Dasar sehubungan dengan **pembelajaran yang berkesinambungan**
  - (j) Dasar sehubungan dengan **pendidikan menerusi media**
  - (k) Dasar sehubungan **pendidikan agama**
  - (l) Dasar sehubungan dengan **pendidikan guru pra-perkhidmatan** dan dalam **perkhidmatan**
  - (m) Dasar sehubungan dengan **tahap pendidikan dan latihan guru** bagi peringkat-peringkat pendidikan
  - (n) Dasar sehubungan dengan pendekatan pengajaran di antara **penguasaan fakta ilmu** dengan **penguasaan gaya berfikir**
  - (o) Dasar sehubungan dengan **perpaduan negara**.

## **02. BEBERAPA ISU KHUSUS -- ANTARA HASRAT DAN AKIBAT:**

### **2.1 Antara Hasrat dan Akibat:**

- (a) **Persepaduan lwn Paralalisme**
- (b) **Keseimbangan Input dan Ketidakimbangan Output**

### **2.2 Antara Kualiti dan Kuantiti**

- (a) **Penguasaan Bahasa Melayu**
- (b) **Penguasaan Bahasa Inggeris**
- (c) **Pencapaian kualiti pendidikan di bandar dan di luar bandar**
- (d) **Pencapaian institusi pendidikan swasta dan nasional**

## **03. DAERAH-DAERAH YANG MEMERLUKAN TINDAKAN SEHUBUNGAN DENGAN KEADAAN MASA KINI:**

### **3.1 Sebahagian daripada aspek mikro -- pendekatan pengajaran:**

- (a) **Pendidikan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris** peringkat rendah dan menengah dapat dikira gagal kerana tidak diiktiraf yang ia memerlukan pendekatan yang berbeza daripada mata pelajaran bukan-bahasa.
- (b) **Metos** dan *self-fulfilling prophecy* dalam pendidikan sains dan matematik.
- (c) Guru dan kemahiran menimbulkan **motivasi** pelajar.
- (d) **Saiz** kelas dan saiz sekolah.
- (e) **Pemikiran convergent** dan *divergent*.

### **3.2 Sebahagian daripada aspek sistem:**

- (a) Memikirkan semula **tempoh** bagi tahap-tahap pengajian.
- (b) Memikirkan semula **umur layak** memasuki pendidikan rendah.

- (c) Harus ada satu **suruhanjaya tetap** pendidikan yang melihat pendidikan secara menyeluruh mengandungi pendidikan formal nasional, pendidikan swasta sekular, pendidikan swasta dan negeri agama, pendidikan tak-formal menerusi media, pendidikan menerusi simbol, slogan, poster, sepanduk, dll., pendidikan jarak jauh, pendidikan pembasmian iliterasi.
- (d) Harus ada perancangan **penggunaan IT** secara sistematis dalam pendidikan, terutama dalam usaha memperbaiki pendidikan di luar bandar.
- (e) Hendaklah dijadualwaktukan sistem yang membuat pelajar pelbagai kaum belajar di bawah bumbung yang sama.
- (f) Sistem kembar (nasional dan swasta) hendaklah berupa *paralalisme* tetapi bukan *dualisme* dengan pengertian bahawa paralalisme itu berasaskan kepada *rules of the game* yang serupa.
- (g) Hendaklah dilihat kembali pendidikan kini supaya penekanannya tidak sahaja menjadikan pelajar, bila tamat pengajian, bertugas sebagai alat dalam **jentera ekonomi negara**, tetapi juga **mengaktualisasi potensi diri** dan menjadikan mereka tidak robotik sifatnya tetapi masih punya minda dan jiwa untuk diisi bagi mencapai kesejahteraan dan pengertian hidup.

#### 04. TINDAKAN YANG DIPERLUKAN UNTUK MASA HADAPAN:

- 4.1 **Hakikat perubahan** -- yang kekal dan tetap tentang perubahan ialah perubahan itu sendiri.
- 4.2 Pesan Khalifah **Umar Ibn Khattab**: Berilah anak-anak kamu ilmu-ilmu kerana mereka akan hidup dalam masa yang berlainan daripada masa kamu.
- 4.3 Perubahan itu berlaku dengan amat cepat sekarang ini kerana teknologi maklumat dan komunikasi. Oleh itu, harus dilakukan **tinjauan semula** segala aspek pendidikan secara bukan lagi berkala tetapi berterusan. Itulah maka perlunya Suruhanjaya penuh masa seperti yang saya cadangkan tadi.

#### 05. KESIMPULAN:

**Pendekatan kita** terhadap pendidikan ialah secara *piece meal* dan *fragmented*. Tidak ada satu usaha melihat seluruh sistem secara menyeluruh mengandungi pendidikan formal dan tak-formal, nasional dan swasta, persekutuan dan negeri, semuka dan jarak jauh.

Pemikiran tentang pendidikan kita adalah agak baik, tetapi jentera atau kenderaannya masih **model lama**, dengan guru masih menggunakan pendekatan lama dengan cara paksaan dan bukannya motivasi, dengan rekabentuk sekolah serta saiz bilik darjah dan saiz sekolah yang masih besar, dan amat rendah tarafnya dari segi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Prioriti kepentingan aspek-aspek pendidikan kita tidak tercermin pada **pengagihan belanjawan** yang diperuntukkan kepada pendidikan.

Harus diberi segala macam ganjaran untuk menggalakkan semua rakyat belajar berterusan sepanjang hayat. Mereka nanti menjadi aset yang besar kepada negara dalam era dunia sekarang ini di mana pengetahuan (termasuk ilmu dan kemahiran) adalah kuasa.